

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.08.2017

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia mempertimbangkan cadangan supaya pelantikan pegawai eksekutif tertinggi mana-mana syarikat GLCs perlu melalui Parlimen terlebih dahulu untuk diperhalusi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan (CEO/MD) syarikat merupakan perkara dalam bidang kuasa pemegang saham sebagaimana yang dinyatakan dalam *constitution* syarikat.

Di antara kriteria pelantikan CEO/MD adalah berdasarkan kesesuaian dari segi kelayakan, pengalaman dan kepakaran seseorang individu tersebut seperti yang telah digariskan dalam *The Orange Book: Strengthening Leadership Development*. Di samping itu, bagi syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] pula, selain daripada kelayakan tersebut, individu yang akan dilantik perlu menjalani tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagi barisan pengurusan kanan syarikat seperti *Chief Financial Officer (CFO)*, *Chief Operating Officer (COO)* dan lain-lain, pelantikan dilaksanakan di peringkat syarikat mengikut tatacara dan prosedur syarikat tersebut. Sehubungan itu, berdasarkan prosedur dan kaedah yang diterangkan di atas, pelantikan bagi CEO/MD dan lain-lain pengurusan kanan adalah teratur, telus serta mengikut amalan terbaik dan tidak perlu melalui Parlimen terlebih dahulu.